

"Kami tidak pernah berpindah ke pusat pemindahan dan ini adalah kali pertama kerana banjir besar Samad

HARIAN METRO



ANGGOTA APM membuat rondaan dan bertemu dengan penduduk kampung yang membersihkan rumah mereka.

■ 23 keluarga ditempatkan di SK Pasangan akibat fenomena air pasang

Nur Izzati Izzah Nadzi
hmetroshahalam
@hmetro.com.my

Kuala Selangor

"Ini antara banjir paling besar akibat fenomena air pasang besar dalam sejarah."

Kata penduduk Kampung Tanjung Buah, Kampung Tanjung Siam dan Kampung Kuantan di sini, yang dilanda banjir sejak Khamis lalu.

Sehingga petang semalam, seramai 67 mangsa daripada 23 keluarga masih ditempatkan di pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Pasangan di sini, berikutan kediaman mereka masih dinaiki air.

Penduduk, Abdul Halim

Jonit, 48, berkata Kampung Kuantan sememangnya biasa dilanda banjir, namun tidak seperti kejadian kali ini.

"Jika berlaku banjir, air kebiasaannya akan mula surut pada sebelah petang atau malam. Namun, kini ia berbeza kerana berpunca air pasang besar melalui pertembungan antara air sungai dan laut.

"Walaupun air dalam rumah saya hanya pada paras lutut, ia sudah memenuhi sekitar halaman rumah," katanya ketika ditemui Harian Metro di sini, semalam.

Menurutnya, dia dan isteri bersama enam anak mematuhi arahan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berpindah ke pusat pemindahan



MANGSA banjir yang menghidap penyakit gout dibantu anggota APM untuk membuat rawatan di hospital Tanjung Karang.

Banjir paling besar!

atas faktor keselamatan.

"Sejak malam Khamis lalu, kami bersetuju untuk berpindah daripada tidur di rumah dalam keadaan bimbang dan tidak selesa," katanya.

Bagi mangsa yang juga orang kurang upaya (OKU) Samad Mad Salleh, 48, mengakui, masih terkejut dan tidak menyangka banjir besar itu berlaku di kampungnya.

"Kami tidak pernah berpindah ke pusat pemindahan dan ini adalah kali pertama kerana banjir besar.

"Saya dan isteri (Salimah Lamsah, 46) tidak sempat mengalihkan barangan kerana kaki kanan yang kuduk menyukarkan diri untuk bergerak," katanya.

Menurut Samad, isterinya turut sentiasa meninjau keadaan rumah mereka dan bersyukur kerana pelbagai

pihak tampil membersihkan kediaman penduduk.

"Saya harap banjir akan

surut dan dibenarkan pulang ke rumah," katanya penduduk Kampung Tanjung Siam itu.

Air masih berada pada paras bahaya

Kuala Selangor: Walaupun ada kawasan banjir yang sudah mula surut, mangsa dinasihatkan tidak pulang ke rumah berikutan air masih berada pada paras bahaya selain fenomena air pasang besar yang boleh berlaku pada bila-bila masa.

Penolong Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daerah Hanizah Hamzah berkata, pihaknya dimaklumkan masih ada tiga kampung dinaiki air pada paras lutut.

"Setakat ini, penduduk kampung dalam keadaan berjaga-jaga dan mereka tidak pulang ke rumah kerana bimbang air pasang

yang biasanya berlaku pada waktu petang.

"Air masih dalam paras bahaya dan mereka tidak dibenarkan pulang ke rumah sehingga diberitahu. Ada antara penduduk pulang seketika bagi melihat keadaan rumah mereka dengan dibantu pihak berkaitan termasuk bomba dan Angkatan Pertahanan Awam (APM)," katanya.

Sementara itu, Pegawai APM daerah Abdul Azizul Hakim Abdul Rahim berkata, pihaknya menjalankan rondaan dan pemantauan di semua kampung berkenaan bagi memastikan keselamatan rumah mangsa.